



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh, Perak Darul Ridzuan

Tel : 605 501 5000
Faks : 605 527 7273
Laman Web : <http://jpnperak.moe.gov.my>

Ruj. Kami : J.Pel.Pk.(KOKU)4531/3/5 Jld.3 (24)
Tarikh : 24 April 2018

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah seluruh Negeri Perak

Pengetua

Sekolah-sekolah seluruh Negeri Perak

Tuan,

HEBAHAN PERTANDINGAN VIDEO PENDEK ANJURAN UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

- Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Utusan Malaysia (M) Berhad telah menganjurkan pertandingan video pendek bertemakan muhibah kepada murid sekolah menengah seluruh negara sepanjang tahun 2018.
- Sehubungan itu, **sekolah/murid yang berminat** digalakkan menyertainya. Maklumat lanjut adalah seperti di lampiran (surat) yang disertakan bersama-sama surat hebahan ini.
- Sebarang pertanyaan, hubungi Cik Siti Fatimah binti Mohd Naw, Penolong Pengarah Kokurikulum, JPN Perak di talian 05-5015 155.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)

Ketua Sektor,
Sektor Pembangunan Kemanusiaan,
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.



Sila catatkan rujukan Jabatan ini apabila berhubung





TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
EDUCATION POLICY AND DEVELOPMENT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 3, BLOK EB, KOMPLEKS E
LEVEL 3, BLOCK EB, COMPLEX E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel: : 03-8884 6149
Faks: : 03-8884 6146
Portal: : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KPM 600-14/1/19 Jld.16 (71)
Tarikh: 04 April 2018

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERTANDINGAN VIDEO PENDEK ANJURAN UTUSAN MELAYU (M)
BERHAD DENGAN KERJASAMA KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya perkara di atas dan no rujukan KPM 600-10/22/6 Jld. 57 (1)
adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan
kerjasama Utusan Melayu (M) Berhad telah menganjurkan pertandingan video
pendek bertemakan muhibah kepada semua murid sekolah menengah seluruh
negara sepanjang tahun 2018.

3. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, pertandingan ini
bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kemahiran murid
dalam penghasilan video, mencungkil bakat murid dalam pembinaan dan
penghasilan video serta menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan murid
melalui pertandingan yang boleh merangsang minda kritis dan kreatif, serta
dapat memupuk semangat perpaduan dikalangan murid.

4. Pertandingan ini diadakan secara bulanan sepanjang tahun 2018.
Peserta wajib like & follow laman sosial Utusan Online. Penyertaan ini adalah
percuma. Empat pemenang akan dipilih pada setiap bulan dan setiap pemenang
akan menerima RM1000.00 (Satu Ribu Ringgit Malaysia). Peserta perlu
menyediakan video dalam jangkamasa dua minit dan keterangan video (antara
100 hingga 150 patah perkataan) berserta butiran lengkap perbadi.
Penghantaran video dalam bentuk CD hendaklah dialamatkan kepada:

Pertandingan #muhibah
Jabatan Pengurusan Jenama
Aras 4, Blok B, No. 44 Jalan Utusan
55200 Kuala Lumpur

“MALAYSIA-RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN
PEOPLE FIRST PERFORMANCE NOW”



5. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon jasa baik dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan agar dapat memanjangkan maklumat berkaitan pertandingan tersebut kepada semua sekolah di bawah tabir urus pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Maklumat lanjut berkaitan borang penyertaan dan syarat pertandingan boleh diakses melalui www.muhibah.my.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan pertandingan ini pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Encik Alias bin Samsudin di talian 03-2081 7669 / 012-643 8086 di Sektor Pembastarian Sekolah, Bahagian Teknologi Pendidikan.

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk menjayakan pertandingan ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATO' SULAIMAN BIN WAK)

s.k

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

Pengarah
Bahagian Kokurikulum dan Kesenian

Ketua Komunikasi Korporat
Unit Komunikasi Korporat